

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan GLC yang benar-benar mengikut garis panduan Putrajaya Committee.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi GLC atau Program GLCT merupakan program berjangka 10 tahun bermula tahun 2004 hingga 2015 yang bertujuan meningkatkan prestasi dan kecekapan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang terlibat. Ketika program tersebut bermula pada tahun 2004, GLC berkenaan rata-ratanya masih belum mencapai tahap pencapaian

optimum.

Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) telah ditubuhkan bagi memantau, mengurus serta menyediakan hala tuju dan seterusnya menerajui pelaksanaan Program GLCT. Khazanah Nasional Bhd merupakan urusetia PCG. Secara ringkasnya, Program GLCT mengandungi tiga Prinsip Dasar, lima Polisi Pacuan dan 10 Inisiatif Utama.

Terdapat 20 buah GLC terbesar peringkat Persekutuan atau lebih dikenali sebagai G20 ketika Program GLCT diperkenalkan. Bagaimanapun, jumlah keanggotaan G20 berkurang kepada 17 buah GLC susulan proses penggabungan dan penyahgabungan serta beberapa urus niaga korporat dalam tempoh 10 tahun program tersebut dilaksanakan. Berikut adalah senarai 17 buah GLC dalam Kumpulan G20:

1. Affin Holdings Bhd;
2. Axiata Group Bhd;
3. BIMB Holdings Bhd;
4. Boustead Holdings Bhd;
5. Chemical Company of Malaysia;

6. CIMB Group Holdings Bhd;
7. Malayan Banking Bhd;
8. Malaysia Airports Holdings Bhd;
9. Malaysia Building Society Bhd;
10. Malaysia Airlines Bhd;
11. Malaysian Resources Corporation Bhd;
12. Sime Darby Bhd;
13. Telekom Malaysia Bhd;
14. Tenaga Nasional Bhd;
15. TH Plantations Bhd;
16. UEM Group Bhd; dan
17. UMW Holdings Bhd.

Kesemua anggota G20 secara amnya mematuhi Prinsip Dasar, Polisi Pacuan dan Inisiatif Utama yang telah ditetapkan di bawah Program GLCT. Prestasi Program GLCT dimaklumkan secara berkala kepada semua pihak berkepentingan termasuk media sepanjang pelaksanaan program tersebut bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Pelaksanaan Program GLCT tertumpu kepada G20 sahaja memandangkan program berkenaan adalah berskala besar serta

memerlukan tumpuan yang jelas dan impak yang bermakna untuk mencapai hasil yang diharapkan. Justeru, G20 diharapkan untuk menunjukkan tauladan yang baik kepada GLC lain yang tidak terlibat dalam Program GLCT.

Program GLCT telah berjaya ditauliahkan pada 28 Julai 2015 dengan beberapa pencapaian ketara oleh G20 termasuk peningkatan dalam permodalan pasaran, jumlah pulangan pemegang saham, keuntungan bersih serta sumbangan dividen dan cukai kepada Kerajaan.

Sungguhpun Program GLCT telah tamat, garis panduan yang terkandung dalam 10 Inisiatif Utama yang telah diterbitkan oleh PCG adalah masih relevan dan boleh terus menjadi rujukan kepada GLC serta syarikat lain, baik dalam mahupun luar negara.